

Pelajar Bumiputera di luar negara kurang

20 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh dan
Magendran Rajagopal

SHAH ALAM, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kenapa kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dijadikan isu apabila ramai Bumiputera berjaya dipilih pada tahun ini berdasarkan sistem merit.

Sedangkan, kata Perdana Menteri, jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera di universiti tempatan dan luar negara masih terlalu kecil berbanding bukan Bumiputera.

"Anda mesti ingat, keseluruhan penuntut universiti dalam negeri, luar negara, swasta dan awam, kita dapati peratusan Bumiputera amat kecil. Contohnya, pelajar kita di Amerika Syarikat berjumlah 17,000, tetapi Bumiputera

**Dr M arah parti komponen
'serang' pembangkang - Muka 2**

cuma 800.

"Itu pun (pelajar Bumiputera) yang mendapat tajaan daripada kerajaan kerana mereka tak mampu untuk pergi sendiri... tapi tak ada siapa pun complain (merungut)," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung MIC ke-56 di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas desakan pelbagai pihak termasuk MIC supaya sistem merit dikaji semula berikutan pengurangan mendadak pelajar bukan Bumiputera terutama India, yang berjaya ke IPTA.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan mengumumkan seramai 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelayakan setaraf termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermula tahun ini dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukkan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera seperti yang diamalkan sebelum ini.

Bagaimanapun, tahun ini daripada 2,500 pelajar India yang layak untuk memasuki IPTA, hanya 1,500 pelajar diberi tempat mengikut sistem merit.

Dr Mahathir menjelaskan, apa yang berlaku sekarang ialah peratusan kemasukan Bumiputera ke IPTA meningkat secara mendadak apabila sistem merit

LHAT MUKA 2

Kerajaan kaji semula pelaksanaan sistem merit

DARI MUKA 1

diguna pakai, antara lain disebabkan tidak ramai pelajar bukan Bumiputera mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Yang menjadi masalah bukan kerana tiada merit tapi kerana ramai daripada penuntut bukan Bumiputera tidak mengambil STPM, itulah yang jadi masalah. Kalau mereka ambil STPM kita yakin tahun depan jumlah mereka akan bertambah.

"Kalau dengan sistem merit bilangan Bumiputera berkurangan apakah mereka (bukan Bumiputera) tak akan seronok... tentu mereka raikannya, bermakna bahawa bilangan mereka meningkat dan Bumiputera pula berasa tak seronok," katanya.

Malah, katanya, kebanyakan pelajar Bumiputera yang berjaya ke IPTA, mengambil jurusan bukan ikhtisas dan kerajaan cuba mengalihkannya kepada jurusan profesional.

Mengenai desakan pelbagai pihak termasuk MIC supaya kerajaan mengkaji semula sistem merit yang digunakan untuk mengambil pelajar ke IPTA, beliau berkata: "Kita akan kaji. Kita tak sangka kerana sistem merit ini peratusan Bumiputera akan meningkat, kita sangka (peratusan Bumiputera) akan menurun dan kalau menurun tentulah orang lain semua akan seronok.

"Tapi tiba-tiba kita dapat melalui sistem merit ini, kuota Bumiputera meningkat. Tapi kita harus ingat dalam universiti swasta hampir tidak ada Bumiputera langsung."

Namun, katanya, kerajaan sedang mengkaji sama ada sistem itu akan diteruskan pelaksanaannya tahun depan atau digabungkan dengan sistem kuota supaya adil kepada semua pihak.

Mengenai kedudukan pelajar India yang sama taraf dengan pelajar Bumiputera pada masa dulu dan sama ada mereka akan diberi peluang menduduki peperiksaan matrikulasi, Dr Mahathir berkata kerajaan akan kaji cadangan itu.

Beliau menjelaskan pelajar Bumiputera berpeluang menduduki peperiksaan STPM atau Matrikulasi kerana pada masa dulu bilangan mereka yang memasuki universiti tempatan terlalu kecil.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata kerajaan bimbang keadaan sekarang, iaitu terlalu ramai pelajar Bumiputera di IPTA tetapi IPTS dikuasai bukan Bumiputera.

"Malah di sesetengah IPTS, lebih 90 peratus adalah pelajar bukan Bumiputera. Walaupun pelajar Bumiputera meningkat di universiti awam, jika dijumlahkan keseluruhannya pelajar Bumiputera di universiti awam dan swasta, Bumiputera amat berkurangan.

"Sepatutnya, komposisi itu mencerminkan rakyat Malaysia termasuk bagi kaum India dan daripada ini kita dapat bangunkan masyarakat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan mengkaji sistem merit dan tidak berniat untuk mengurangkan jumlah penuntut India ke IPTA.